BAB 1

PENGENALAN

Menjelang pertengahan abad kesembilanbelas, dinasti Qing (1644-1911) di China telah mengalami tekanan dalaman dan luaran yang amat teruk. Polisi pengasingan yang diamalkan selama ini telah menemui kebuntuannya apabila berdepanan dengan militia Eropah yang lebih canggih. Malah, Perang Candu (1839-1842) hanya merupakan titik permulaan siri kekalahan tentera China yang seterusnya.[1] Lebih-lebih lagi, antara tahun 1850-an sehingga 1860-an, Pemberontakan Taiping (1850-1864) nyaris-nyaris meruntuhkan dinasti Qing.

Walaupun kerajaan Qing menghadapi ancaman-ancaman tersebut, tetapi masih lambat dan enggan melaksanakan sebarang reformasi dan perubahan demi mempertahan maruah negara. Oleh itu, Revolusi 1911 yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat-sen (1866-1925) telah membangkitkan harapan tinggi orang Cina. Namun, dalam masa lebih kurang lima tahun, kerajaan pusat telah runtuh sama sekali, dan China telah dibahagi-bahagikan serta dikuasai oleh panglima-panglima tentera.[2] Maka, hasrat orang Cina untuk mewujudkan satu kerajaan yang efektif, yakni mampu

---

[1] Selepas Perang Candu (1839-1842), China juga kalah kepada kuasa-kuasa Barat dalam Perang Anglo-China (1856-1860), Perang Sino-Perancis (1883-1885) dan Perang Sino-Jepun (1894-1895). Dengan itu, China telah menandatangani perjanjian-perjanjian yang memihak kepada kuasa-kuasa Barat, di mana sehingga tahun 1917, sebanyak 92 pelabuhan terpaksa diserahkan kepada Barat. Lihat Edwin E. Moise, *Modern China, A History* (London: Longman Group Limited, 1994), hlm. 30-32.

[2] Setelah keruntuhan dinasti Qing pada tahun 1911 dan kegagalan Yuan Shikai (1859-1916) menabalkan dirinya sebagai maharaja China, China mulai memasuki zaman pemerintahan panglima-panglima tentera (1916-1928). Kebanyakan daripada panglima-panglima tentera tersebut merupakan kommander tempatan. Lihat David Bonovia, *China's Warlords* (Hong Kong: Oxford University Press, 1995), hlm. 2.

mengembali dan membina semula orde di China serta memperlindung negara daripada pencerohohan asing masih tidak dapat direalisasikan.

Di samping itu, orang Cina beranggapan mereka mempunyai tamadun yang tertinggi nilainya dan hanya tamadun Cina merupakan satu-satunya tamadun yang agung dan benar.[3] Malahan, China hanya akan berinteraksi dengan kebudayaan asing dengan berpegang teguh pada satu prinsip, apabila orang asing yang merupakan orang gasar mengakui keunggulan kebudayaan Cina, maharaja China, serta menghantar ufti kepada maharaja China sebagai tanda penghormatan.[4] Malangnya, sikap dan anggapan orang Cina yang amat bangga dengan tradisi kebudayaan diri sendiri telah digoncang dan dikejut oleh kedatangan orang Barat.

Ini bermakna setelah Perang Candu dan pemberontakan Taiping, sesetengah orang Cina mulai berpendapat kemasukan orang asing ke China tidak dapat lagi dihalang dan mereka perlu mempelajari daripada orang Barat. Antara mereka yang berpendapat orang Cina harus mempelajari daripada orang asing ialah para intelektual yang berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan dan panglima-panglima tentera. Secara

---

[3] Sejak awal perkembangan tamadun Cina, orang Cina berpendapat bahawa China merupakan suatu tempat tamadun yang unik dan mereka dikelilingi oleh orang-orang gasar (*barbarians*). Maka, orang Cina menamakan China sebagai *Zhongguo* ("*Central Country*") yang bermaksud negeri yang terletak di tengah-tengah dan China merupakan pusat dunia dari segi geografi, politik dan kebudayaan. Lihat Edwin O. Reischauer dan John K. Fairbank, *East Asia: The Great Tradition* (Boston: Houghton Mifflin Company, 1970), hlm. 37; Herrlee Glessner Creel, *The Birth of China: A Study of the Formative Period of Chinese Civilization* (London: Peter Owen Limited, 1958), hlm. 376.

[4] Sikap sebegini dapat dilihat melalui bagaimana mazhab Kristian Jesuit menyebarkan doktrin dan memperluas pengaruhnya di China. Mazhab Jesuit dapat diterima oleh sesetengah rakyat China hanya kerana ilmu pengetahuan saintifik yang dibawa oleh mubaligh-mubaligh Kristian, terutamanya dalam bidang astronomi; tetapi faktor utama yang menyebabkan mereka berjaya menyebarkan agama Kristian adalah kerana mubaligh-mubaligh telah menyerap sesetengah daripada unsur-unsur kebudayan Cina ke dalam doktrin agama mereka. Akhirnya, Paus menghadapi satu persoalan serius iaitu sebenarnya siapa yang sedang mengubah kepercayaan siapa. Pada awal abad kelapanbelas, apabila Paus mula mengarahkan para mubaligh dan penganut berkelakuan seperti misi Kristian yang sepatutnya dan meminimakan imej mereka sebagai sarjana Konfusius telah menyebabkan pengaruh Jesuit di istana diraja Qing semakin berkurangan. Lihat Zuo Xinping, *Zongjiao Lijie* (Pemahaman Agama) (Beijing: Shehui Kexue Wenxian Chubanshe, 1999), hlm. 627-629 dan 632-635; Mark Mancall. *China at the Center: 300 Years of Foreign Policy* (New York: Free Press, 1984), hlm. 82-84

umumnya, sebagai reaksi awal terhadap kemasukan dan pencerobohan Barat terhadap China, intelektual Cina mulai mencadangkan orang Cina harus mempelajari teknologi Barat seperti teknik membina kapal perang dan membuat senjata api. Di samping itu, mereka tetap beranggapan bahawa institusi dan pemikiran tradisional Cina tidak memerlukan reformasi.

Kemudian, lanjutan daripada Perang Sino-Jepun (1894-1895), golongan intelektual muda amat mengagumi pencapaian Jepun semasa gerakan pemulihan Meiji. Justeru, intelektual Cina pada ketika itu berpendapat bahawa selain daripada mempelajari teknik saintifik, China juga harus mencontohi institusi perundangan dan politik Barat. Walau bagaimanapun, mereka tetap berpegang teguh bahawa falsafah, etika dan prinsip-prinsip asas yang terdapat dalam masyarakat tradisional Cina tidak perlu diubah. Corak pemikiran sebegitu dapat diwakili dan disimpulkan oleh frasa yang dikemukakan oleh Zhang Zhidong (1837-1909) pada tahun 1898, iaitu"Pembelajaran ilmu Cina sebagai prinsip asas, pembelajaran ilmu Barat untuk kegunaan praktikal."(*Chinese learning for the fundamental principles, Western learning for practical application*).[5]

Namun, pembaharuan yang disarankan dalam bidang perundangan dan institusi politik gagal mencapai matlamatnya dalam Reformasi Seratus Hari (*Hundred*

[5] Idea Zhang Zhidong dan rakan-rakannya yang mensintesis pembelajaran ilmu Cina dan Barat, merupakan usaha untuk mencipta satu formula baru demi menguatkan China setelah dicerobohi Barat, di samping dapat menjaga kepentingan golongan konservatif dan reformasi. Pada dasarnya, idea sebegitu bertujuan mengaplikasikan teknologi Barat untuk mempertahan China daripada pencerobohan Barat. Walau bagaimanapun, mereka masih bangga dan asyik dengan peradaban Cina yang telah begitu lama sejarahnya. Lihat Mark Mancall, *China at the Center: 300 Years of Foreign Policy*, hlm. 185; Li Zonggui, *Wenhua Pipan yu Wenhua Zhonggou: Zhongguo Wenhua Chulu Tantao* (Kritikan Kebudayaan dan Pembinaan Semulanya: Peninjauan Jalan Keluar bagi Kebudayaan Cina) (Xian: Shanxi Renmin Chubanshe, 1992), hlm. 79-80.

Days of Reform) pada tahun 1898.[6] Sebahagian daripada matlamat-matlamat tersebut hanya tercapai semasa Revolusi 1911. Maka, sewaktu gerakan 4 Mei 1919, para intelektual yang terlibat dalam gerakan tersebut telah menyeru bukan sahaja sains teknologi, perundangan dan institusi politik Barat harus diperkenalkan, malah falsafah, etika, sains alam tabii, teori-teori sosial dan institusi Cina harus diteliti semula dengan sepenuhnya dan mencontohi Barat dalam aspek-aspek tersebut. Seruan para intelektual era tersebut tidak serupa dengan reformasi yang bersifat separuh hati atau renovasi pada sebahagian daripada tradisi Cina yang dilaksanakan sebelum ini, tetapi suatu usaha dan percubaan yang sangat besar dan penuh semangat untuk menyingkirkan tradisi lama yang dianggap lembap dan menggantikannya dengan suatu kebudayaan yang baru.[7]

Orientasi gerakan 4 Mei yang bercorak ikonoklasme (*iconoclasm*) dan menitikberatkan pembelajaran terhadap Barat mempunyai sebab-sebab yang tersendiri.[8] Apabila meninjau semula sejarah China sewaktu Perang Candu, didapati kegagalan China menyebabkan orang Cina terpaksa menerima satu realiti bahawa

---

[6] Setelah China kalah dalam Perang Sino-Japan 1894-1895, kehilangan Semananjung Liaodong kepada Jerman dan termeterainya Perjanjian Shimonoseki yang merugikan pihak China, maharaja Guangxu telah mengisytiharkan keinginannya untuk mereformasikan kerajaan pada 11 Jun 1898. Maka, pada 16 Jun 1898, maharaja telah menyuruh Kang Youwei (1858-1927) hadir ke istana dan memberi amanah kepada Kang untuk merombak semula dasar-dasar kerajaan. Kang telah mencadangankan pelbagai pembaharuan dalam bidang pendidikan, militia, pentadbiran dan perundangan. Kang berharap dengan mencontohi Barat, ia dapat menyelamatkan China daripada pencerobohan kuasa-kuasa Barat. Namun, beliau gagal mencapai matlamatnya. Pelbagai faktor telah menyebabkan reformasi itu gagal, antaranya jangkamasa yang terlalu suntuk. Lihat Frederic Wakeman, Jr. *The Fall of Imperial China* (New York: Free Press, 1975), hlm. 212; Meribeth E. Cameron, *The Reform Movement in China 1898-1912* (New York: Octagon Books Inc., 1963), hlm. 23 dan 26-27.

[7] Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Stanford: Stanford University Press, 1967), hlm. 13-14.

[8] Semasa gerakan 4 Mei, pelbagai doktrin dan idea baru dalam bidang ilmu moden telah diperkenalkan dan hangat dibincangkan di China. Pemikiran dan institusi tradisional telah dikritik dan dikecam hebat. Pada waktu itu, sikap orang Cina terhadap perkara-perkara lama telah mengalami perubahan yang drastik. Jika dahulu, mereka menganggap "lama" sebagai kriteria keunggulan, tetapi kini tidak. Dalam aspek akademik, mereka mementingkan metodologi dan inferensi harus berasaskan bukti; jika tiada bukti, sesuatu itu harus diragui. Selain itu, mereka turut mengkritik amalan-amalan tradisi tertentu dan kepercayaan tahyul orang Cina yang tidak munasabah. Lihat Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 182-183, 186 dan 297

kuasa ketenteraan Barat lebih kuat daripada China. Selain itu, orang Cina mula mengalihkan pandangan mereka ke Barat; tetapi disebabkan orang Cina masih bangga dengan tamadun Cina dan berfikiran konservatif, mereka hanya ingin mempelajari sains teknologi ketenteraan Barat dan enggan mengakui kelebihan Barat dalam aspek ekonomi, politik, pemikiran dan kebudayaan. Sikap intelektual dan orang Cina yang ingin menikmati hasil kebaikan sistem kapitalis Barat tanpa mengubah dan mengekalkan tradisi lama Cina terbukti tidak realistik, di mana kekalahan dalam Perang Sino-Jepun 1894-1895 merupakan bukti yang nyata.[9]

Namun, mengikut peredaran masa dan pengalaman-pengalaman yang memberangsangkan rakyat jelata dan para intelektual Cina, mereka mulai menyedari bahawa diri mereka tidak sepatutnya memandang rendah terhadap kebudayaan Barat kerana Barat turut mempunyai kelebihannya. Lebih-lebih lagi, intelektual-intelektual pada ketika itu berkeyakinan bahawa dengan mengadaptasi sains dan demokrasi Barat, China akan berkembang maju, malah dapat mengejar pencapaian Barat. Akhirnya, kepercayaan sebegitu berkembang ke suatu tahap, di mana terdapat sebilangan intelektual menyarankan slogan "pembaratan secara besar-besaran", dan kemudiannya "modenisasi dengan sepenuh hati".

Meskipun begitu, suara segelintir intelektual yang tidak sehaluan dengan arus perdana masih jelas kedengaran, di mana pandangan daripada Liang Shuming (1893-1988), seorang intelektual yang tekun merenungkan kemelut tanahairnya. Beliau telah mempertahan Konfusianisme dan tradisi Cina secara sistematik dan teoritikal melalui karya agungnya, *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* (*Eastern and*

[9] Lou Yulie dan Zhang Xiping eds., *Zhongwai Zhexue Jiaoliushi* (Sejarah Interaksi dalam Falsafah antara China dengan Negeri Asing) (Hunan: Hunan Jiaoyu Chubanshe, 1998), hlm 433

Western Civilizations and Their Philosophies) yang diterbitkan pada tahun 1921. Lantaran, idea-idea beliau telah menerima pujian dan kritikan yang berlambak-lambak daripada pelbagai pihak di mana disanjung tinggi kerana dikatakan telah mengangkat martabat kebudayaan Cina selain daripada dibidas dan dilabel sebagai konservatif.

Justeru, disertasi ini bermatlamat meneliti dan mengetengahkan idea kebudayaan Liang Shuming supaya tidak dikaburi oleh pujian dan kritikan terdahulu yang stereotaip dan tidak merangkumi skop yang luas seperti kajian-kajian lepas. Pertumpuan difokuskan pada idea kebudayaan kerana ia merupakan aspek pemikiran Liang Shuming yang penting sekali. Dengan menghalusi pemikiran kebudayaan beliau yang intim melingkari persoalan China dan kebudayaan Cina, pemahaman yang menyeluruh terhadap ketabahan beliau menyuarakan pandangan diri sendiri, ketegangan yang dihadapinya akibat terhimpit antara kebudayaan Timur dan Barat, serta keteguhan beliau demi memakbulkan idaman akan diperolehi.

Jadi Bab 1 ialah Pengenalan dan Bab 2 akan menyusur latar belakang keluarga, pendidikan awal, persekitaran semasa, pengaruh ayah serta rakan sebaya Liang Shuming, memandangkan peringkat muda itu adalah amat mustahak dan berpengaruh dalam pembentukan pemikiran beliau. Manakala, kecelaruan dan transisi pemikiran Liang Shuming menjadi semakin jelas haluannya setelah menjalani kehidupan ala penyisihan diri dan mengalami insiden membunuh diri ayahnya, akan ditinjau secara mendalam dalam Bab 3. Selain daripada itu, beliau telah mencurahkan segala-gala prihatinnya terhadap dua persoalan sepanjang hayatnya: masalah China dan makna kehidupan manusia sejagat. Akhirnya, *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*

(1921) dihasilkan dan menunjukkan tekadnya untuk memelihara serta menegakkan semula kekuatan kebudayaan Cina.

Selanjutnya, idea-idea Liang Shuming dalam karya agung tersebut dikupas dalam Bab 4. Di samping mempersembah pandangan teras *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya*, kelemahan-kelemahan idea tersebut turut tidak terkecuali, yakni akan didedahkan. Dalam pada itu, beliau telah mengemukakan konsep tekad minda yang berkaitan dengan kebudayaan dan "Idea Hala Tuju Kebudayaan Timur dan Barat". Saranan beliau itu telah menarik perhatian umum, malahan menggemparkan masyarakat dan arena akademik. Namun, beliau tidak berhenti pada itu, sebaliknya giat berusaha merealisasikan ideal-idealnya dalam *Kebudayaan Timur dan Barat dan Falsafahnya* supaya kebudayaan dan etnik Cina dapat menyinar semula.

Dalam Bab 5, selain daripada meneliti ikhtiar-ikhtiar Liang Shuming dalam pelaksanaan projek "Pembinaan Kawasan Desa", corak pemikiran beliau yang telah mengecapi tahap kematangan dengan penerbitan *Intisari Kebudayaan Cina* (1949) juga akan diperhalusi. Pada peringkat itu, beliau tidak lagi memperluas skop kajiannya yang meliputi kebudayaan Barat, Cina dan India, tetapi lebih menumpu pada kebudayaan Cina. Ini secara tidak langsung telah mendedahkan lubuk jiwa beliau yang senantiasa menyanjung tinggi serta berhasrat mengangkat kedudukan kebudayaan Cina. Sungguhpun begitu, idea beliau yang masih mempunyai serba kekurangannya tidak ketinggala [illegible] dianalisa.

Semasa mendalami pemikiran Liang Shuming, secara tidak langsung latar belakang sejarah ketika itu turut akan dialami. Ini kerana idea-idea beliau sememangnya tidak dapat dielakkan daripada dipengaruhi oleh persekitarannya. Bab 6 sebagai Kesimpulan telah merumuskan bahawa penelitian terhadap pemikiran beliau tidak seharusnya terkongkong dalam lingkungan samada pandangannya adalah betul ataupun salah; tetapi, sewajarnya meninjau faktor-faktor yang membentuk corak pemikiran sebegitu. Ringkasnya, sepanjang hayat Liang Shuming, beliau tidak pernah berhenti mencari dan mencuba "ubat penawar" bagi kelemahan China dan erti makna kehidupan manusia. Meskipun tidak berjaya menemui "ubat mujarab" bagi China, tetapi semangat dan kegigihan beliau telah membuka suatu ruang bagi generasi kemudian untuk menerokai jalan penyelesaian yang lebih sempurna dan baik.